



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil. 39 / 2019

### 23 KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DUN N.27 RANTAU DIKELUARKAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada hari ini, 31 Mac 2019 telah mengeluarkan sebanyak **23 kertas undi pos** bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) N.27 Rantau. Pengeluaran kertas undi pos bermula pada jam 12.00 tengah hari dan dijalankan oleh Petugas Pilihan Raya di Bilik Orkid, Pejabat Daerah dan Tanah Seremban meliputi kategori undi pos seperti berikut:
  - i. Seramai **4 orang Pengundi Tidak Hadir (PTH)** Luar Negara yang terdiri daripada penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangannya serta pelajar sepenuh masa di luar negara dan pasangannya di India, Rusia dan Singapura.
  - ii. Seramai 19 orang pengundi yang terdiri daripada **11 orang petugas pilihan raya** dan **8 orang anggota tentera** (Borang 1A).
  - iii. Tiada permohonan diterima bagi kategori Borang 1B (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) dan kategori Borang 1C (anggota petugas kesihatan dan keselamatan yang dibenarkan).
2. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran wakil-wakil calon daripada Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).
3. SPR juga telah menjemput pemerhati-pemerhati pilihan raya yang dilantik untuk menyaksikan proses pengeluaran kertas undi pos itu. Pemerhati daripada **Institut Darul Ehsan, Pertubuhan Akademi Pendidikan Demokrasi dan Kewarganegaraan Malaysia, Malaysia For Free And Fair Elections (MAFREL)** dan **Jawatankuasa Khas Pembajikan Sistem Dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC)** turut hadir ke sesi tersebut.

4. Proses pengeluaran kertas undi pos bagi PRK DUN N.27 Rantau ini telah disiarkan secara live streaming di Facebook SPR bagi menunjukkan proses tersebut dilakukan secara telus dan adil. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman masyarakat awam mengenai proses pilihan raya.

5. Kertas undi pos telah diserahkan kepada pihak Pos Malaysia pada hari yang sama untuk dihantar kepada pengundi-pengundi terbabit. Manakala kertas undi pos anggota tentera telah diserahkan kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk penghantaran kepada pengundi berkenaan.

6. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos tersebut agar menanda kertas undi yang diterima dengan betul dan segera mengembalikannya semula kepada Pegawai Pengurus PRK DUN N.27 Rantau sebelum jam 5.00 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 13 April 2019 (Sabtu).

7. Pengundi juga diingatkan agar tidak merakam gambar kertas undi pos dan menulkarkannya di laman media sosial. Sekiranya perbuatan ini dilakukan, tindakan undang-undang akan diambil dan jika disabitkan serta didapati bersalah boleh dikenakan hukuman sewajarnya.

Sekian, terimakasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 31 Mac 2019 / 24Rejab1440H